



## ***SAM Sezaman: Sisa & Adunan Semula***


*SAM Sezaman* ialah projek setiap dua tahun yang memberi tumpuan kepada amalan yang baru bercambah dan trend pengkaryaan dalam dunia seni Singapura. Dipacu oleh kajian kolektif, *SAM Sezaman* adalah platform untuk uji kaji, dibina atas perbualan berterusan dan kerjasama rapat antara barisan seniman dan kurator.

Edisi pertama dengan tajuk *Sisa & Adunan Semula* mempertimbangkan kesan peninggalan sejarah ke atas masa kini, serta pengaruh teknologi baharu terhadap cara kita melihat, melalui dan memahami Dunia yang didiami. Penghijrahan dan aliran budaya memberi erti kepada sejarah serta landskap, memori dan ekonomi rantau ini. Dalam pameran ini, seniman menggunakan kaedah dan pendekatan baharu yang bertunjangkan perspektif nyah-dan pasca-kolonialisme untuk mendalami peninggalan masa dan tempat, menggali sejarah terselindung dan mendedahkan kisah yang dilupakan. Dengan

memandang khusus kepada kesan teknologi digital ke atas pengalaman kontemporari, para seniman menyuluhkan perhatian kepada titik pertemuan antara masa lalu dan kini.

Daripada pengalaman harian kepada bahan kegunaan harian, karya yang dipamerkan di *Sisa & Adunan Semula* mengetengahkan cara seniman mencampur dan membayangkan semula peninggalan sejarah, lantas mencipta naratif baharu serta menggarap semula masa lalu dan kini dengan lensa yang lebih besar.

*Sisa & Adunan Semula* memaparkan barisan seniman yang terdiri daripada Yeyoon Avis Ann, Anthony Chin, Priyageetha Dia, Fyerool Darma, Khairulddin Wahab dan Moses Tan, di samping beberapa orang kurator iaitu Joella Kiu, Ong Puay Khim, Shabbir Hussain Mustafa, Syaheedah Iskandar, Kenneth Tay dan Teng Yen Hui.



### Yeyoon Avis Ann

#### *Pemecut Perlanggaran Hari-Hari (A.C.A.E.)* 2023

Cawan, sarung tangan ketuhar, komputer riba, kualiti, berus gigi, kerusi, telefon, perkakas, objek cetakan 3D, mentol lampu, tali, cetakan pada kertas dan bunyi dikomisyen oleh Muzium Seni Singapura

#### *Pemecut Perlanggaran Hari-Hari (A.C.A.E.)*

ialah pemasangan yang mirip partikel berlanggar dalam pemecut besar, di mana objek seperti cawan, berus gigi dan kerusi meletus daripada teras bercahaya. Beberapa objek diregangkan atau dimampatkan untuk menunjukkan kesan letusan. Sambil berjalan mengelilingi set pemasangan ini, penonton boleh mendengar petikan rakaman di lapangan — bunyi yang seperti sudah dikenali tetapi tidak dapat dicam sepenuhnya.

A.C.A.E. boleh disamakan dengan Quantizer, satu inisiatif yang menukar data Pelanggar Hadron Besar kepada bunyi. Seperti interpretasi semula pelanggaran partikel berbentuk sonik oleh Quantizer yang membentangkan cara baharu untuk mengakses

data saintifik, A.C.A.E. menggalakkan penonton untuk merangka hubungan yang baharu dan merenung betapa objek dan persekitaran dijalin bersama apabila kita membuat perubahan kecil kepada realiti sedia ada.

Komik-komik di A.C.A.E. memaparkan rutin harian seseorang dan mengetengahkan objek yang diwakili di A.C.A.E., lalu memperluaskan kemungkinan yang terkandung dalam setiap objek—bagaimana setiap daripadanya dapat dilihat, digunakan, disusun atau difahami. Jauh sekali tidak bermakna atau tanpa erti, A.C.A.E. menadahkan pengalaman harian sebagai peluang untuk pertemuan rambang tapi bermakna dengan insan lain, persekitaran dan diri sendiri.

Seniman ini turut mempamerkan *Trees Upside-down (Pokok Terbalik)* di SAM Hoardings di Queen Street, dipamerkan sehingga 29 Oktober 2023. Avis mempersembahkan grafik bayang-bayang pokok yang berhubung kait dengan Wbayang-bayang pokok sebenar yang kerap berubah di tepi jalan.

## Tentang seniman

Yeyoon Avis Ann ialah seniman multimedia yang cenderung mempertimbangkan semula sistem pengkaryaan seni. Amalan seni beliau melangkaui batas seni visual dan termasuk muzik, seni reka dan penjenamaan. Ketika berseni, beliau sering menimba ilham daripada budaya digital dan pengalaman peribadi.

Avis pernah menyertai pameran berkumpulan seperti *Sugar pills for a bitter world* (Pil gula untuk dunia pahit) (2022) di Objectifs; *Not for Sale* (Tidak Dijual) (2022) di Minggu Seni Singapura; *Time Passes* (Masa Berlalu) (2021) di Galeri Seni Singapura; *Objects in the Mirror*

(Objek di Cermin) (2019) di Supernormal, serta mengadakan pameran individu *Entities* (Entiti n) (2018) di Pulau Jeju, Korea Selatan. Avis juga mempersembahkan video siaran langsung, *Lick* (Jilat) (2021) di Teater Esplanade, Singapura.

### Anthony Chin *Daripada Perak kepada Keluli* 2023

Saduran perak, loyang, keluli  
Dikomisyen oleh Muzium Seni Singapura

Daripada Perak kepada Keluli mendalami sejarah kompleks perlombongan bijih timah di Tanah Melayu jajahan Britain, serta hubung kait dengan Jepun pada awal abad ke-20. Bermula 1921, Tanah Melayu membekalkan syarikat Imperial Steel Works di Jepun bijih timah yang dilombong di 11 lombong bijih timah di serata semenanjung. Bijih timah ialah bahan mentah penting dalam pembuatan objek berasaskan timah yang memacu industrialisasi dan modenisasi pesat Jepun. Namun begitu, dalam kesudahan ironik, keluli sama yang berasal dari Tanah Melayu kembali dalam bentuk senjata penyerang — shin guntō (atau pedang militer baharu) — pada Perang Dunia ke-II.

Pemasangan ini memaparkan 11 replika shin guntō yang telah diolah oleh sang seniman: setiap hulu pedang digantikan oleh susunan wang syiling Negeri-Negeri Selat, manakala setiap tsuba (atau pelindung tangan) digantikan oleh plat keluli yang dibentuk dengan teliti untuk melambangkan 11 lombong milik Jepun di Tanah Melayu. Dengan menyongsangkan imej pedang askar zaman perang, Dari Perak ke Keluli merenung penjarahan dan penggunaan keluli sebagai bahan mentah yang dijadikan senjata, lantas membuka peluang untuk sejarah kurang diketahui diteliti dengan perspektif baharu.

Pameran seniman ini bersambung di Tingkat 3 Blok 39, sepanjang koridor yang menghadap Pelabuhan Tanjong Pagar. Untuk mengakses karya, sila gunakan tangga di sisi bangunan yang menghadap Blok 37. Pelawat yang menggunakan bahan bantuan penglihatan boleh memohon bantuan di Kaunter Utama.

### Anthony Chin *Bijih Laut Selatan* 2023

Realiti terimbu, 1 min 36 saat  
Dikomisyen oleh Muzium Seni Singapura

*Bijih Laut Selatan* ialah himpunan adegan realiti terimbu yang memaparkan bongkah hitam yang dihasilkan secara berfasa oleh sebiji batu yang berputar dan bergerak naik turun dengan mencemaskan di atas Pelabuhan Tanjong Pagar. Setelah siap, bongkah berkecai kepada batu-bata kecil yang menghujani persekitaran dan akhirnya menukar skrin penonton menjadi hitam.

Karya merujuk kepada penjarahan sumber bijih timah di Tanah Melayu oleh pihak Jepun pada awal abad ke-20, perkembangan yang dibantu oleh penubuhan syarikat perlombongan Nanyo Kogyo Koshi di Singapura pada 1921. Syarikat perlombongan dan kilang keluli yang tumbuh di Tanah Melayu ibarat cendawan selepas hujan telah memainkan peranan penting dalam membulatkan

hasrat modenisasi dan penenteraan Kerajaan Jepun. Antara 1921 dan 1945, sejumlah 19.72 juta tan metrik timah dibawa dari Tanah Melayu ke Jepun, dan sepanjang itu pentadbiran penjajah Britain dan negeri-negeri Tanah Melayu — termasuk Singapura ketika itu — memainkan peranan tidak langsung dalam proses tersebut.

*Bijih Laut Selatan* memperakui perjalanan masa lalu bijih timah melalui pelabuhan-pelabuhan Singapura. Menongkah falsafah kuno Jepun, *shakkei* (pemandangan dipinjam), Chin mempersembahkan paparan visual skala penjarahan dan pergerakan bijih timah berlatarkan operasi pelabuhan.

Pameran seniman ini berterusan di Galeri 1 di Muzium Seni Singapura, di pameran *SAM Sezaman: Sisa & Adunan Semula*

## Tentang seniman

Anthony Chin mereka karya khusus kepada lokasi yang memberi respons puitis dan berkonsep terhadap sejarah dan sosok seni bina sesuatu lokasi. Beliau tertarik kepada persoalan kuasa yang mencabar kewujudan kolektif kita semua, sebagai respons kepada kehidupan di negara pulau yang begitu kecil. Berpandukan kajian mendalam, karya beliau mengubah bahan harian untuk menyuluhkan perhatian kepada struktur kuasa yang tidak diketengahkan dalam era kolonialisme dan pasca-kolonialisme.

Chin pernah menyertai pelbagai pertunjukan seni di dalam dan luar negara, termasuk daerah seni 789 di Beijing yang menjadi lokasi pameran solo beliau yang pertama, serta residensi dan pameran di Kampung Seniman Antarabangsa Taipei dan Muzium Metropolitan Manila. Selain itu, beliau pernah menyertai empat program anjuran organisasi seni tempatan, OH! Open House.

## Fyerool Darma

**Output Keseluruhan dengan Aleezon, berukera, billyX, Jasim, Lee Khee San, Lé Luhur dan rawanXberdenyut 2023**

Plexiglass (Tiger), lapisan polyurethane tak berwarna, ink arkib (molotow), pelekat polivinil klorida dan poliakrilat–dijumpai dan vinil seni (ORACAL 651 dan Ri-Jet Mono), pelekat gentian karbon polivinil klorida dan poliakrilat (Vvivid XPO) pada aloi aluminium tersadur, polivinil klorida indung madu pantul songsang (Grip-On), peta pantulan prisma mikro bukan bersadur logam dengan damar (Steve & Lief), pita polipropilena (Hunter) pada plexiglass dengan penyokong sekunder aloi xilena, silikon dan aluminium 6061, bunyi, 2 min 51 saat  
Dikomisyen oleh Muzium Seni Singapura

*Output Keseluruhan* ialah aksi mencampur aduk bahan visual yang diperoleh daripada arkib, termasuk corak dan motif yang dikenali umum dalam dunia budaya dan industri, dicari dan dihimpun daripada arkib, Internet dan kehidupan harian. Fyerool Darma mempelawa sekumpulan seniman dan pereka untuk berkarya menggunakan bahan yang sama. Bersama-sama, mereka bereksperimen dengan bahan yang digunakan, masing-masing menyelami proses sendiri untuk meraih fragmen dan mencipta interpretasi semula corak. Melalui kolaborasi ini, ungkapan visual yang baharu tercipta, di mana kesilapan rawak dan pengulangan menjadi kaedah untuk mengabstrak budaya dan kehidupan.

Secara formal, karya mirip panel LED yang dalam proses digubah, mengimbuai teknologi grid sebagai sistem aturan dan edaran digital. Dalam kerangka tetap ini, campur aduk dan kesilapan rawak visual mencerminkan kecelaruan antara digital dan analog.

Tajuk karya merujuk kepada ukuran produktiviti dalam sesebuah ekonomi, di mana hasil keluaran buruh dihitung tanpa pengiktirafan kepada mana-mana individu. *Output Keseluruhan* menzahirkan jumlah tenaga kreatif yang terkumpul di studio seniman, serta memperingati kudrat empat kerat individu yang bekerja secara berulang-ulang di belakang tabir.

Seniman turut mempersembahkan L4NDf33lzz dengan Aleezon, Lé Luhur, Manni Wang, mr. jalee, rawanXberdenyut dan Taufiq Rahman di SAM Hoardings di Jalan Bras Basah, dipamerkan sehingga 29 Oktober 2023. Dalam karya ini, Fyerool meneruskan pendekatan beliau dengan mensampel daripada sumber arkib, lantas memberi penghormatan kepada lokasi dan pencipta asal corak yang dirujuk.

## Tentang seniman

Fyerool Darma mendapat inspirasi daripada budaya popular, bahan arkib, rujukan sastera, Internet dan pengalaman beliau sendiri. Dalam karya beliau, Fyerool giat bereksperimen dengan objek, bahan dan medium berlainan, termasuk fotografi, arca dan media digital.

Projek beliau dipamerkan di pameran berkumpulan yang ternama seperti *Living Pictures: Photography in Southeast Asia* (Gambar Hidup: Fotografi di Asia Tenggara), Galeri Nasional Singapura (2022–2023);

*Afro-Southeast Asia Project* (Projek Afro-Asia Tenggara), Rumah Budaya ASEAN, Busan (2022), Muzium Vargas, Filipina (2022), Galeri Seni, Reka Cipta dan Media Universiti Teknologi Nanyang, Singapura (2021); *As the West Slept* (Ketika Dunia Barat Terlena), Pusat Dagangan Dunia, New York (2019), sebahagian Performa 2019; dan *An Atlas of Mirrors* (Atlas Cermin), Biennale Singapura 2016. Fyerool ialah Seniman Residensi di Pusat Seni Kontemporari Singapura NTU (2019–2020).

**Priyageetha Dia**  
**KELUHAN H.E.A.T**  
**2023**

Cetakan lentikular, kayu getah, lateks, rantai getah, video  
Video: satu saluran, format 16:9, warna dan bunyi (stereo), 14 min 15 saat  
Dikomisyen oleh Muzium Seni Singapura

*KELUHAN H.E.A.T* ialah pemasangan multimedia dengan getah dan lateks sebagai bahan utama, mengetengahkan peri penting getah. Kayu getah, juga dikenali sebagai parawood, ialah sejenis kayu keras yang berasal daripada pokok getah atau hevea brasiliensis. Corak pada bahagian luar pemasangan meniru kesan yang terukir pada pokok getah apabila ditoreh, menggunakan teknik torehan tulang ikan herring. Getah, bahan mentah dengan permintaan tinggi di pelbagai industri, membawa kepada penubuhan ladang getah di serata Tanah Melayu jajahan Britain (kini Singapura dan Malaysia) di bawah rejim penjajahan Britain pada abad ke-19.

Kelembutan dan sentuhan getah mempelawa penonton untuk memasuki bilik tertutup di *KELUHAN H.E.A.T*. Tapak untuk berhimpun dan merenung, santuari terselindung ini memaparkan bunyi eksperimental dari perkusi berirama lagu rakyat, penayangan imej janaan komputer yang diimbuh dengan oppari (keluhan mendayu) yang dicipta menggunakan kecerdasan buatan. Oppari ialah lagu

berkabung nyanyian wanita Tamil yang dibawa ke Tanah Melayu sebagai buruh indentur dari selatan India, ketika meratapi dan memberi penghormatan kepada mereka yang sudah meninggal dunia. Di *KELUHAN H.E.A.T*, oppari janaan kecerdasan buatan berhasrat membina jejambat ke alam bukan manusia sambil memberi penghormatan kepada buruh indentur. Penindasan mereka di ladang getah tidak patut dilupakan.

Projek kajian yang masih berlangsung, *KELUHAN H.E.A.T* bertanya: dapatkah kenangan penindasan dalam sejarah penjajahan di Tanah Melayu didamaikan melalui upacara mendengar dengan perantaraan teknologi? Bolehkah seni kontemporari yang mendiami muzium menjadi lokasi luar biasa untuk perdamaian?

**Notis alahan: Karya ini mengandungi lateks dan bahan kayu getah mentah.**

Sila tanggalkan kasut sebelum memasuki kawasan struktur. Pelawat yang menggunakan alat bantuan pergerakan boleh memasuki kawasan tanpa menanggalkan kas

**Tentang seniman**

Priyageetha Dia mencipta karya dan media berasaskan masa. Karya beliau membawa naratif spekulasi berkenaan ladang-ladang di Asia Tenggara, lokasi yang beliau anggap sesuai untuk menggali kisah-kisah tentangan. Topik kajian yang diminati Dia termasuk penciptaan naratif tidak linear melalui semiotik digital, sejarah migran dan perhubungan kita dengan unsur bukan manusia.

Pameran terbaharu beliau diadakan di Biennale Kochi-Muziris, Kerala (2022–2023); Institut Seni La Trobe,

Australia (2022); Galeri Nasional Singapura (2020) dan Muzium ArtScience, Singapura (2019). Beliau menerima anugerah IMPART dari Art Outreach pada 2019. Beliau adalah Seniman Residensi di Pusat Seni Kontemporari Singapura NTU pada 2022 and telah dipilih untuk kitaran akan datang oleh SEA AiR–Studio Residencies di Jan van Eyck Academie, Netherlands dari April hingga Julai 2023.

**Khairulddin Wahab**  
**Palimpsest Landskap**  
**2023**

Akrilik pada kanvas  
Dikomisyen oleh Muzium Seni Singapura

*Palimpsest Landskap* mengetengahkan peralihan rentas sejarah dalam perhubungan kita dengan tanah, daripada permukaan tanah dan air kepada pembentukan wilayah. Melalui lukisan berlapis dan tergantung, karya ini mempersoalkan konsepsi tanah sebagai “terra firma” yang merangkum, utuh dan stabil.

Unsur utama lukisan ini ialah latar topografi yang dihasilkan seniman dengan mengecat secara berlapis pada permukaan kanvas yang dibiarkan di atas

tanah. Setelah cat kering, pemendapan berlaku dan meninggalkan kesan topologi tanah yang kemudian menjadi panduan komposisi seniman. Dengan pendekatan ini, karya juga mempelawa pemahaman landskap sebagai proses menulis dan mencipta bersama.

## Tentang seniman

Lukisan Khairulddin Wahab menganyam naratif dari geografi budaya, sejarah alam sekitar dan pasca kolonialisme di Singapura dan Asia Tenggara. Menggunakan bahan arkib dan imej yang dijumpai, Khairulddin mencipta tableau visual yang mengimbuai pertembungan sejarah dan politik manusia dengan alam semulajadi.

Beliau berkelulusan BA Seni Halus dari Kolej Seni LASALLE pada 2014. Karya beliau pernah dipamerkan di lokasi dan acara di dalam dan luar negara termasuk dua

pameran solo di Galeri Cuturi, *The Shape of Land* (Bentuk Tanah) (2023) dan *The Word for World is Forest* (Dunia Bererti Hutan) (2021); Biennale Jogja XV – Equator 5 (2019) dan *State of Motion: Sejarah-ku* (Negara Bergerak: Sejarah-ku) (2018). Beliau menerima Residensi Kreatif Perpustakaan Nasional pada 2021 dan memenangi anugerah Catan Tahunan Terbaik UOB pada 2018.

## Moses Tan

*kaveat, skor*

2023

Tanah liat polimer, keluli lembut salutan serbuk, cetakan pada kertas, video, objek dijumpai  
Dikomisyen oleh Muzium Seni Singapura

*kaveat, skor* merangkumi objek dijumpai dan perabot, cetakan fotograf, lukisan, video dan arca polimer tanah liat berbentuk unsur botani dan zoologi, dan kesemuanya terhimpun dalam pemasangan yang mengimbuai rekaan set.

Dalam karya ini, Moses Tan mendalami konsep keduaan dan kebolehan berubah menggunakan perkataan dan buah fikiran yang mempunyai pelbagai maksud yang boleh dijadikan analogi untuk identiti queer, kegagalan dan kekurangan, termasuk “kaveat” dan “tidalektika.” Perkataan “kaveat” ialah penjelasan atau maklumat yang menggesa sikap berhati-hati bagi mengelakkan interpretasi silap, selain melambangkan cabaran yang sering dihadapi individu queer apabila mengemudi identiti dan kehadiran mereka dalam persekitaran yang tidak menghargai. Perkataan “tidalektika” merujuk kepada pandangan hidup berunsurkan lautan dan mencadangkan kaedah dan laluan baharu untuk membicarakan kewujudan. Kaedah dan laluan berkenaan diberi makna oleh pergerakan dan keadaan sentiasa berubah-ubah. Tan menterjemah aliran

pasang dan surut ombak kepada skor tarian untuk manusia, mencipta gerak tari yang mencuit respons beremosi seperti melipat badan ke dalam sebagai aksi melindungi diri, atau membesarkan badan sebagai langkah menuju aksi belaian dan jagaan. Pergerakan dan bentuk ini dialami oleh barisan penari dalam video serta komponen lain karya seperti grafik vinil dan arca polimer.

Berlapis dan didasari gurauan nakal, *kaveat, skor* mempelawa penonton untuk mendalami kekompleksan identiti dan tingkah queer melalui rangkaian (kelam kabut) rujukan dan simbol.

## Tentang seniman

Moses Tan ialah seniman yang menetap di Singapura dan mendalami sejarah yang bertindih dengan teori dan politik queer, dengan kesedihan dan perasaan malu sebagai titik tolak. Berkarya dengan arca, objek dijumpai, video dan pemasangan, beliau menggunakan mesej dan kod halus untuk mereka naratif. Beliau berkelulusan BA (Kepujian) Seni Halus dari Kolej Seni LASALLE dan BA (Kepujian) Kimia dan Kimia Biologi dari Universiti Teknologi Nanyang.

Beliau menerima Anugerah Seni dan Reka Bentuk Noise Singapura pada 2014, Geran Kembara Kajian Winston Oh pada 2016 dan Anugerah LASALLE bagi Kecemerlangan

Akademik pada 2016. Karya beliau pernah dipamerkan di Galeri Yavuz dan Grey Projects, Singapura; Hidden Space dan 1A Space, Hong Kong; Universiti Indiana, Amerika Syarikat; Universiti Sabanci, Turki; Kunst im Dialog, Germany dan Pusat Seni Asia Kontemporari 4A, Australia. Beliau juga pernah menjalankan residensi di Institut Seni Santa Fe, Amerika Syarikat.